


Hotel Empayar Mudzaffar



TARIKAN UTAMA... gambaran balairong seri yang bakal menjadi perhatian.

INFO

- > Hotel Empayar Mudzaffar dibina dengan kos RM 157 juta.
- > Bertaraf lima bintang, mempunyai tujuh tingkat dan 288 bilik.
- > Balairong seri bukan hiasan semata-mata kerana pengurusan hotel akan mengadakan pertunjukan khas adat istiadat diraja setiap bulan. Ia juga akan dibuka untuk majlis perkahwinan bagi mereka yang inginkan konsep perkahwinan adat istiadat Melayu lama khususnya di zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- > Replika kapal Laksamana Cheng Ho sebesar saiz padang bola didirikan di luar hotel.

Binaan mirip
rekaan
Kesultanan
Melayu
Melaka
bakal dibina
di MITC, Ayer
Keroh

>>Oleh ASMIZAN MOHD SAMIRAN

mizan@hmetro.com.my

APABILA siap kelak, tidak keterlaluan jika dikatakan ia akan menjadi sebutan, malah terkenal sebagai ikon pembangunan terunggul seiring dengan kemasyhuran binaan tersohor di negara ini seperti Menara Berkembar Petronas (KLCC) dan Menara Kuala Lumpur.

Betapa tidak, apa yang diketengahkan penuh dengan keunikan dan pastinya sukar untuk mencari yang sama sepertinya.

Bayangkan, di dalamnya ada balairong seri mirip zaman Kesultanan Melayu Melaka dan lebih daripada itu, hampir semua unsur reka

bentuk dan hiasan dalamannya menjurus kepada zaman berkenaan.

Itu keistimewaan Hotel Empayar Mudzaffar yang akan dibina Bumi Setia Management Sdn Bhd di tapak seluas 1.32 hektar di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh. Upacara pecah tanah bakal berlangsung pada bulan ini, manakala tempoh untuk menyiapkannya dijangka mengambil masa lebih dua tahun.

Daripada segi reka bentuk dan hiasan dalaman, syarikat perunding hiasan dalaman milik penuh Bumiputera, Casa Impian Holdings Sdn Bhd (Casa Impian) dipertanggungjawab melaksanakan tugas berkenaan.

Ternyata, Casa Impian

yang sebelum ini menaja perabot dan hiasan dalaman banglo 'Teratak Bonda' Asmawi Ani atau Mawi, menampilkan hiasan dalaman menakjubkan.

Menerusi gambaran yang diberi, hotel itu dijelmakan seperti istana pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Bumbungnya dihasilkan dalam bentuk bumbung limas (rumah tradisional Melaka) dan turut mempunyai beberapa menara.

Di bahagian dalam pula pesona reka bentuk dan hiasannya memang mengasyikkan. Apa tidaknya, di setiap sudut dan ruang, betapa kehalusan seninya terserlah dengan paparan ukiran warisan Melayu Melaka.

Pelbagai motif ditampilkan. Di kaunter pertanyaan misalnya, dinding dan panelnya tersergam indah dengan motif lebah gantung dan bunga Siantan.

Pada bahagian lobi, pengunjung pasti terpesona dengan hiasan dinding dan lantai yang sebahagiannya menentang motif keladi biak dan bunga Siantan. Sebagai gambaran budaya Melayu yang gemar dengan bunga-bunga, hampir semua ukiran kayu bermotifkan flora diketengahkan. Selain bunga Siantan, bunga Melor, Delima dan Kesidang turut dijadikan sebagai motif ukiran.

Menyerlahkan lagi daya tarikan hotel berkenaan, di bahagian sama, ada ditempatkan sebuah balairong seri

yang indah buaatannya dan menyamai seperti apa yang ada pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Di bahagian ruang makan pula, ada kolam yang pastinya menyejukkan mata memandang. Menambahkan lagi keunikan hotel berkenaan, setiap bilik akan dihias secara berbeza antara satu sama lain.

Namun, konsep tradisional tetap menjadi keutamaan, apabila turut mengetengahkan ukiran bermotif tradisional. Antara perhiasan yang akan digunakan pula ialah songket, perisai dan lampu labu sayong.

Pengarah Urusan Casa Impian, Datin Noorlinda Abdul Talib, berkata untuk menjelmakan reka bentuk dan hiasan dalaman itu, ia tidak dilakukan secara melulu, sebaliknya dihasilkan dengan penuh ketelitian.

Katanya, untuk mendapatkan ketepatan reka bentuk dan dekorasi yang melambangkan salasilah Kesultanan Melayu Melaka, Casa Impian membuat kajian terperinci dengan menggunakan beberapa sumber seperti Perpustakaan Negara, Jabatan Muzium dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

"Lebih daripada itu, kami turut menemubual pengkaji sejarah bagi memastikan apa yang dihasilkan menepati unsur utama zaman Kesultanan Melayu Melaka.

"Kami juga bekerjasama dengan Yayasan Restu yang sememangnya berpengala-

man dalam menghasilkan kerja kesenian warisan Melayu," katanya.

Menurut Noorlinda, bukan mudah untuk pihaknya menjelmakan reka bentuk dan hiasan dalaman seperti yang dirancangkan kerana sumber yang diperoleh hanyalah dalam bentuk maklumat berikutan tiada kesan fizikal ditinggalkan.

"Gambaran mengenai reka bentuk dan hiasan dalaman istana ketika Zaman Kesultanan Melayu Melaka hanya diperoleh menerusi maklumat seperti pantun, syair dan gurindam yang menggunakan bahasa klasik.

"Daripada sumber itulah, kami menterjemahkannya ke bahasa moden menerusi kerjasama DBP dan kemudian bertemu pengkaji sejarah bagi mendapatkan gambaran lebih tepat," katanya.

Noorlinda berkata, dalam pada memberi tumpuan kepada aspek tradisional, aspek kontemporari tidak dipinggirkan.

Katanya, secara keseluruhan, hotel berkenaan akan menentang 90 peratus aspek tradisional, manakala selebihnya kontemporari.

Dalam melaksanakan tugas berkenaan, Casa Impian, diketuai Pengarah Kreatifnya, Mohammad Zakhir Mustaffa, mengambil masa lebih enam bulan sebelum dapat menghasilkan gambaran reka bentuk dan hiasan dalaman seperti yang dikehendaki.



UNIK... lobi utama dipenuhi hiasan dalam bercirikan tradisional dan kontemporari.

1



- 1. MENAKJUBKAN...** Hotel Empayar Mudzaffar dijelmakan seperti istana pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- 2. EKSKLUSIF...** gambaran bilik di Hotel Empayar Mudzaffar.
- 3. TENANG...** suasana yang bakal dinikmati di ruang makan hotel.

2



“

Kami turut menemubual pengkaji sejarah bagi memastikan apa yang dihasilkan benar-benar menepati unsur utama zaman Kesultanan Melayu Melaka”

> Datin Noorlinda Abdul Talib
Pegawai Urusan Casa Impian

Menurut Mohammad Zakhir, antara reka bentuk paling rumit untuk dihasilkan ialah balairong seri.

“Balairong seri seperti yang kita tahu melambangkan kedaulatan institusi raja. Justeru, jika ada kesilapan dalam menghasilkan rekabentuknya ia saya anggap seperti kita tidak beradat.

“Memang rumit untuk menghasilkannya, tetapi mujur ada tokoh sejarah seperti Tan Sri Abd Aziz Tapa dan Prof Datuk Dr Abdul Latiff Abu Bakar yang membantu memberi gambaran mengenai reka bentuk binaan berkenaan.

“Menerusi bantuan mereka juga, Casa Impian dapat merealisasikan usaha menjelmakan hotel berkenaan seperti zaman Kesultanan Melayu Melaka,” katanya.

Mohammad Zakhir berkata, panduan yang digunakan turut meliputi sumber dari Rumah Melayu Melaka dan beberapa masjid lama Melaka seperti Masjid Tengker, Masjid Abu Bakar, Masjid Tanjung Keling dan Masjid Kampung Hulu.

“Sehingga kini usaha membentuk imej bagi menghasilkan reka bentuk dan hiasan dalaman hotel berkenaan mencapai tahap 45 peratus.

“Kami masih mengkaji dan memperbaiki reka ben-

tuk dan hiasan dalaman yang dihasilkan,” katanya.

Noorlinda berkata, hotel itu akan turut dijelmakan seperti sebuah muzium. Selain dihiasi aksesori tradisional seperti tombak dan keris, ia akan dihiasi dengan lukisan berunsurkan zaman Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.


“Di lokasi strategik, kita akan pameran lukisan seperti suasana ketika orang Portugis berdagang di Melaka, potret Hang Tuah dan tidak ketinggalan replika manuskrip lama hikayat terawal Hang Tuah.

“Pada masa sama, setiap reka bentuk, hiasan dalaman, aksesori dan lukisan yang ada di hotel berkenaan akan disertakan dengan maklumat penerangan, sekurang-kurangnya dalam empat bahasa, iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Jepun dan Arab,” katanya.

Menambah keunikan hotel berkenaan, Noorlinda berkata, persekitarannya akan ditanam pokok seperti Pokok Melaka, manakala bunga-bunga pula hanya berwarna putih.

“Kita akan hanya menanam bunga berwarna putih seperti Melur dan Kenanga.

“Ini kerana, kita mahukan wangian semula jadi memenuhi persekitaran hotel berkenaan,” katanya.



ff

Balairong seri seperti yang kita tahu melambangkan kedaulatan institusi raja. Justeru, jika ada kesilapan dalam menghasilkan rekabentuknya ia saya anggap seperti kita tidak beradat”

> Mohammad Zakhir Mustaffa
Pengarah Kreatif Casa Impian